



DUOPHARMA

CCM DUOPHARMA
BIOTECH BERHAD
(524271-W)

NOTIS MESYUARAT PEMEGANG SAHAM

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Pemegang Saham CCM Duopharma Biotech Berhad ("CCM Duopharma" atau "Syarikat") akan diadakan di Ballroom 1, Setia City Convention Centre, No. 1, Jalan Setia Dagang AG U13/AG, Setia Alam, Seksyen U13, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia pada hari Rabu, 20 Februari 2019, pada jam 10.00 pagi, atau pada sebarang penangguhannya, untuk tujuan mempertimbangkan dan jika difikirkan sesuai, meluluskan dengan atau tanpa mengubahsuai resolusi berikut:-

SEBAGAI RESOLUSI KHAS

CADANGAN PENUKARAN NAMA SYARIKAT DARIPADA "CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD" KEPADA "DUOPHARMA BIOTECH BERHAD" ("CADANGAN PENUKARAN NAMA SYARIKAT")

"**BAHAWA** Syarikat adalah dengan ini menukar nama daripada "CCM Duopharma Biotech Berhad" kepada "Duopharma Biotech Berhad" berkuatkuasa daripada tarikh Notis Pendaftaran bagi Nama Baharu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Syarikat.

DAN BAHAWA perlembagaan Syarikat adalah dengan ini dipinda bagi menggantikan kesemua rujukan mengenai "CCM Duopharma Biotech Berhad" di dalam perlembagaan tersebut, kepada "Duopharma Biotech Berhad"; tertakluk kepada pengeluaran Notis Pendaftaran bagi Nama Baharu oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Syarikat.

DAN BAHAWA Lembaga Pengarah dan/atau Setiausaha Syarikat adalah dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah-langkah perlu untuk melakukan kesemua perkara dan bertindak sebagaimana yang dikehendaki untuk menguatkuasakan Cadangan Penukaran Nama Syarikat dengan kuasa penuh untuk persetujuan terhadap pelbagai syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan."

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

IBRAHIM HUSSIN SALLEH (LS0009121)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

Tarikh: 14 Januari 2019

Nota: -

1. *Resolusi Khas dalam Notis Mesyuarat Pemegang Saham akan dijalankan melalui pengundian mengikut Perenggan 8.29A (1) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.*
2. *Ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini berhak melantik tidak lebih daripada 2 orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi tersebut tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini.*
3. *Sekiranya ahli Syarikat melantik 2 orang proksi, pelantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.*
4. *Ahli syarikat yang merupakan Penama Diberi Kuasa Dikecualikan yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk beberapa pemilik bermanfaat dalam satu akaun sekuriti ("Akaun Omnibus"), tidak ada sebarang had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh Penama Diberi Kuasa Dikecualikan untuk setiap akaun omnibus yang dipegang.*
5. *Penama Diberi Kuasa Dikecualikan sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991 ("SICDA") yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A (1) SICDA.*
6. *Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau peguamnya yang diberi kuasa secara bertulis atau, jika ahli yang dilantik adalah sebuah syarikat, sama ada di bawah meterai atau di bawah tandatangan seorang pegawai atau peguam yang diberi kuasa.*
7. *Suratcara pelantikan proksi perlu didepositkan ke Pejabat Pendaftaran Saham Syarikat, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd, Unit 32-01, Tingkat 32-01, Level 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk membuka undi sejajar dengan Seksyen 334 (3) Akta Syarikat, 2016.*
8. *Hanya pendeposit yang nama mereka terkandung dalam Rekod Pendeposit pada 13 Februari 2019 dianggap sebagai ahli dan layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat ini.*

Nota Penjelasan mengenai Agenda Mesyuarat Pemegang Saham:-

Nota Penjelasan mengenai cadangan resolusi khas dinyatakan di dalam perkeliling kepada Pemegang Saham yang bertarikh 14 Januari 2019.